



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 13 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	PERLIS TO PRODUCE RM66.7M HARUMANIS MANGOES, NEWS IN BRIEF, NST -13 HARUMANIS PERLIS KEMBALI LAGI, MALAYSIA KINI -ONLINE KURMA MADE IN MALAYSIA SUBUR, K2, KOSMO -19 KECEKALAN SYFUL TAMAR PAKAR PEMBENIHAN KURMA, K2, KOSMO -20 SOKONGAN ISTERI BANTU KEJAYAAN SUAMI, K2, KOSMO -21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6. 7. 8. 9. 10. 11.	PUBLIC-PRIVATE COLLABORATION TO BOOST TUNA INDUSTRY, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 MINISTER OF AGRICULTURE: STRENGTHEN BATU MAUNG JETTY FOR TUNA FISH, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 AGRICULTURE MINISTER: 200 LICENCES ISSUED TO CATCH TUNA, NATION, SIN CHEW DAILY -7 PENANG TUNA PORT IS NOT COMPETITIVE ENOUGH, NATION, KWONG WAH YIT POH -A2 KERAJAAN TELITI CADANGAN KERJASAMA DENGAN PIHAK SWASTA BANGUN INDUSTRI TUNA, BERNAMA -ONLINE AKUAKULTUR SEBAGAI ALTERNATIF SUMBER PERIKANAN DOMESTIK, RENCANA, BH -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12. 13. 14.	17,600KG RACUN DIISYTIHAR BAJA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -24 BAWA RACUN PEROSAK, TAPI ISYTIHARKAN BAJA, LOKAL, HM -21 MEAT CARTEL'S SUPPLIES PROBED, NEWS/NATION, NST -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
15. 16. 17. 18. 19. 20.	DR M: SMALL AGRICULTURE LANDS SHOULD MERGE TO INCREASE EFFECTIVENESS TO SOLVE POVERTY IN THE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4 JOHOR PERKASA SAINS, DATA DALAM PERTANIAN, LOKAL, HM -20 ANGKASA GALAK AHLI TERNAK UDANG GALAH, LOKAL, HM -20 PENTERNAK KIAN TERBEBAN, DALAM NEGERI, UM -32 KOS TAMBAHAN SEHINGGA RM300 SEBULAN, DALAM NEGERI, UM -32 'BANTULAH PENTERNAK', DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Perlis to produce RM66.7m Harumanis mangoes

PADANG BESAR: A total of 3,336 tonnes of Harumanis mangoes worth RM66.7 million from Perlis are expected to be produced this year. Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said this would benefit 2,415 Harumanis farmers in Perlis. "A joint effort involving all parties, including government agencies and private companies, to promote the mangoes via the 'Harumanis Kembali Lagi' campaign is being held from today (Sunday) to June 30." He said this after launching the campaign, organised by the Malaysia Agriculture Department at the Bukit Temiang Agriculture complex, Beseri, near here. Kiandee said the Harumanis mango industry would not only increase the traders' income, but have a significant impact on the economy as well as agro-tourism and downstream industries in Perlis. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Harumanis Perlis kembali lagi



Sebanyak 3,336 tan matrik mangga Harumanis Perlis dijangka dihasilkan sepanjang tahun ini, dengan nilai pengeluaran RM66.7 juta, dan ia bakal memberi manfaat kepada 2,415 pengusaha Harumanis di seluruh negeri Perlis.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata sehubungan itu promosi 'Harumanis Kembali Lagi' sehingga 30 Jun dilancarkan hari ini, yang akan melibatkan pembabitian semua pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta.

Katanya industri tanaman mangga Harumanis ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan pengusaha, malah ia juga memberi impak ekonomi yang signifikan terhadap industri Agropelancongan dan industri hiliran negeri Perlis.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan promosi 'Harumanis Kembali Lagi' anjuran Jabatan Pertanian Malaysia di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, Beseri dekat Padang Besar.

Turut hadir di majlis hari ini ialah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haslina Abdul Hamid dan Exco Pertanian Perlis Nurulhisham Yaakob.



Ronald berkata pihak Jabatan Pertanian Malaysia telah menjalin hubungan strategik dengan beberapa syarikat penghantaran seperti Pos Malaysia, Citylink dan Line Clear dengan mengambil kira pengalaman kaedah penghantaran ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lepas.

"Saya tidak mahu apa-apa (masalah) yang berlaku pada tahun lepas berulang lagi, apabila ketika itu kita tidak bersedia untuk penjualan secara dalam talian," katanya.

Ronald berkata antara penambahbaikan yang dilakukan dalam penghantaran buah adalah penggunaan kotak tiga lapis yang lebih kukuh, lori khas digunakan untuk mengangkut Harumanis, dan pewujudan pusat pengumpulan Harumanis.

Katanya selain itu syarikat penghantar juga memberi jaminan bahawa penghantaran Harumanis akan sampai kepada pembeli tidak melebihi tempoh tiga hari selepas pesanan diterima.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/4/2021	KOSMO	K2	19



SELASA 13.04.2021

1K2
Mengetahui
Hidup Anda

Kurma Made in Malaysia subur

PERNAH dianggap memiliki idea gila kerana ingin menanam pokok kurma, Mohd. Syful Rizan Abd. Manap, 39, membuktikan bahawa tanggapan itu meleset apabila berjaya membuat pembenihan serta penanaman anak pokok kurma di Malaysia dan ada pokoknya yang sudah rimbun berbuah.

Kosmo!

Kecekelan Syful Tamar pakar pembenihan kurma



Rencana
Utama

Oleh
ZUBAIDAH
IBRAHIM

MENANAM pokok kurma di Malaysia dikatakan sangat pelik dan jarang berikutan pokok yang berasal dari tanah Arab itu dianggap tidak mampu hidup di kawasan beriklim Khatulistiwa.

Namun, anak Perak, Mohd. Syful Rizan Abd. Manap, 39, membuktikan bahawa tanggapan itu meleset apabila dia berjaya membuat pembenihan dan penanaman anak pokok kurma sejak lebih sedekad yang lalu.

Dia yang lebih dikenali sebagai Syful Tamar mendapat sokongan penuh daripada isteri, Nur Nadira Hamidi, 36, dan juga ibu, Zaliha Mat Isa, 62, yang turut sama membantu mengusahakan tanaman itu di Kampung Sayong Hulu, Kuala Kangsar, Perak.

Anak kelahiran Kuala Kangsar itu juga mempunyai pasukannya sendiri untuk kerja-kerja penanaman, penghantaran dan penyelenggaraan di lokasi pelanggan.

Menggunakan jenama Pokok Kurma *Made In Malaysia*, anak pokok tersebut telah berjaya dipasarkan ke seluruh Semenanjung, manakala di Sabah, Sarawak dan beberapa lokasi di luar negara dia hanya menjual set biji benih yang disertakan bersama panduan penjagaan. Ini berikutan peraturan Jabatan Pertanian Malaysia yang tidak membenarkan bahan bertanah melepasi laut dan sekiranya ingin berbuat demikian perlu melalui beberapa prosedur.

K2 baru-baru ini menyaksikan betapa menjadinya pokok kurma Mohd. Syful Rizan apabila sebatang pohon kurma yang ditanam sejak sembilan tahun lalu kini sudah berbuah. Ditanam di Sekolah Kebangsaan (SK) Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Mohd. Syful Rizan menyifatkan dalam sebulan dua lagi buah kurma itu akan masak dan boleh dimakan.

Ber cerita lanjut bagaimana teretusnya idea mengusahakan pokok kurma, Mohd. Syful Rizan memberitahu, ia berlaku secara tidak sengaja ketika dia mengemas rumah pada tahun 2008.

"Sewaktu menyapu di halaman rumah, saya menjumpai lima biji kurma di dalam longkang yang sudah tumbuh tunasnya tetapi mati dan layu. Sejak penemuan itu, saya mula terfikir bahawa kurma boleh hidup di Malaysia dan berhasrat untuk menanamnya lantas mencari anak pokok tersebut di beberapa tempat tetapi tidak ada yang menjualnya," katanya yang sangat menggemari buah kurma.

Bukan sahaja tidak menjumpai



MOHD. SYFUL RIZAN (kanan) bersama Guru Besar SK Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Mohd. Anuar Jamaluddin menunjukkan pohon kurma yang ditanam di sekolah tersebut.

penjual anak pokok kurma, malah dia juga dikatakan gila kerana ingin menanam pokok itu.

Terasa marah dan tercabar dengan kata-kata tersebut, Mohd. Syful Rizan tekad membuat pembenihan biji kurma dengan menggunakan pelbagai kaedah dan logik akal nya.

Tanpa berguru dengan sesiapa, dia cuba menyemai biji tersebut dengan merendamnya bersama air zamzam selama seminggu dan membaca ayat-ayat suci al-Quran.

"Pada peringkat awal memang sukar kerana saya tidak tahu cara untuk membuatkan biji tumbuh tunas kerana daripada 10 biji hanya lima yang berjaya.

"Justeru, saya menggunakan pelbagai cara termasuk merendamnya dalam air zamzam kerana memikirkkan kurma berasal dari tanah Arab dan mungkin ia dapat membantunya tumbuh," ujarnya.

Selepas beberapa kali mencuba,

dia menyedari bahawa pembenihan pokok kurma sebenarnya bermula daripada bilinya lagi yang mana perlu dibersihkan, diberi tonik dan perbantuan rapi agar ia sihat.

Berbekalkan teknik yang betul, dia berjaya menghasilkan biji benih bertunas sehingga 90 peratus. Kerja-kerja pembenihan dan penanaman anak pokok kurma itu dilakukan di nurseri mini yang terletak di tepi rumahnya.

Berkongsi teknik pembenihan biji tamar itu, Mohd. Syful Rizan memberitahu, dia merendam biji kurma dengan air mineral Gau selama seminggu. Selepas itu, biji kurma akan direndam pula dengan baja khas selama tiga hari bagi memastikan benih tersebut benar-benar kuat dan sihat.

"Setelah tunas tumbuh, ia akan

INFO

Pokok Kurma Made In Malaysia

- Pembenihan dan penanaman anak pokok diusahakan Mohd. Syful Rizan Abd. Manap sejak tahun 2008
- Antara anak pokok kurma yang mendapat permintaan tinggi ialah ajwa, madu, mariani, syafawi dan madjool
- Dijual menerusi Facebook Pokok Kurma 'Made In Malaysia' dan harganya bermula RM80 dan ke atas mengikut saiz serta usia
- Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan pokok kurma dan melaksanakan projek wakaf pokok kurma untuk ditanam di masjid, surau, institusi pendidikan dan kebajikan

disemai ke dalam beg poli dan sebelum itu lubang untuk dimasukkan biji benih tersebut akan disemur dengan baja khas, begitu juga dengan biji benih itu.

"Selagi belum tumbuh tunas dari tanah, ia hanya disiram dengan air dan akan disemur baja sekali seminggu sehingga mencapai usia dewasa," katanya yang menghasilkan sendiri baja organik khas untuk pokok kurma itu.

Katanya, pokok kurma memerlukan banyak air dan sebaik-baiknya disiram sebanyak dua kali sehari atau paling kurang tiga kali seminggu tetapi tumbesarnya akan sedikit terbantut sekiranya kekurangan sumber tersebut.

Tambahnya, pokok kurma sebenarnya sangat lambat perkembangannya kerana boleh hidup sehingga 100 tahun. Oleh itu, biji kurma perlu betul-betul sihat agar pokok yang ditanam itu dapat mengeluarkan hasil dengan cepat iaitu pada sekitar usia



ISTERINYA, Nur Nadira banyak membantu dalam perusahakan pokok kurma mereka.



BUAH-BUAH kurma pada pokok yang ditanam di Kuala Kangsar, Perak ini tampak kian subur dan boleh dimakan tidak lama lagi.



BUJI-BUJI kurma ditanam di dalam beg poli.

lima hingga tujuh rahun.

Bagi satu pokok kurma berusia 10 bulan dijual pada harga RM80, manakala pokok berusia tiga tahun pula berharga RM2,200 yang berketinggian 152 hingga 243 sentimeter.

Pada tahun 2010, bapa kepada lima cahaya mata itu membolehkan diri mengkomersialkan tanaman itu dengan menjualnya di Facebook Pokok Kurma 'Made In Malaysia'.

Siapa sangka, permintaan yang diterima sangat tinggi sehingga tidak menyangka dan ada yang sudah membayar anak pokok itu walaupun belum disema.

Berikutan permintaan yang sangat tinggi itu, dia mengambil keputusan berhenti kerja sebagai seorang pembantu tadbir untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada perusahaan tersebut.

"Antara anak pokok kurma yang saya semai dan menclap permintaan tinggi ialah ajwa, madu, marlami, syafawi dan madjool. Pembeli anak pokok kurma ini terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti individu, pihak sekolah, jabatan kerajaan, swasta serta masjid," ulasnya yang menjual sekitar lima hingga 20 anak pokok kurma pelbagai saiz dalam sebulan.

Di samping menjual anak pokok, Mohd. Syful Rizan



MOHD. SYFUL RIZAN membuktikan kurma boleh ditanam di Malaysia.

turut melaksanakan projek wakaf pokok kurma untuk ditanam di masjid, surau, institusi pendidikan dan kebajikan.

Dia membuka peluang berwakaf serendah RM120 untuk satu pokok dan turut menyediakan dokumen yang ditandatangani oleh penerima sebagai bukti dan akan dimuat naik di Facebook rasminya.

"Pewakaf hanya membayar wang dan segala urusan penanaman serta penghantaran diuruskan pihak saya bersama pasukan yang turut mendapat permintaan di luar negeri Perak.

"Idea projek ini datang daripada seorang individu yang berhasrat mewakafkan pokok kurma di jabatan tempat kerjanya sebagai tanda kenangan sebelum dia bersara," ujar pemegang Diploma Pengajian Perniagaan, Universiti Teknologi Mara, Merbok, Kedah itu.

Akunya, pada bulan Ramadan, permintaan mewakaf pokok kurma meningkat mendadak kerana ramai ingin mengejar pahala amalan itu.

Terbaharu, Mohd. Syful Rizan menawarkan perkhidmatan penyelenggaraan pokok kurma untuk memastikan pokok yang ditanam subur dan cepat berbuah. Kerja-kerja itu dibantu dua hingga tiga orang pekerja dan kadar upah bergantung kepada saiz serta keadaan pokok.

Kerana kepakarannya, Mohd. Syful Rizan juga sering dijemput pelbagai agensi seperti sekolah, jabatan kerajaan, swasta dan institusi pengajian tinggi untuk memberi tunjuk ajar.

Pada masa akan datang, selain memfokuskan tanaman kurma, Mohd. Syful Rizan juga ingin mengorak langkah mengetengahkan tanaman kacang tanah yang mana kerja pembenihan turut dihasilkan olehnya sendiri.



NUR NADIRA

Sokongan isteri bantu kejayaan suami

SOKONGAN pasangan sama ada suami atau isteri sangat penting untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diusahakan walaupun pada perkara yang diabaikan walaupun mustahil oleh masyarakat.

Perkara itu dilalui oleh Mohd. Syful Rizan Abd. Manap ketika menyuarakan hasrat untuk melakukan pembenihan dan penanaman anak pokok kurma suatu ketika dahulu yang dikatakan mustahil, tetapi berkat sokongan isterinya, Nur Nadira Hamidi dia berjaya mengusahakan tanaman tersebut.

Menurut Nur Nadira, dia sentiasa menyokong minat suaminya dan turut sama membantu menanam anak pokok kurma itu walaupun orang ramai ragu dengan usaha yang dilakukan oleh lelaki itu.

"Pada ketika itu saya membawa bersama anak sulung yang masih kecil ke nurseri untuk membantu suami menanam anak pokok kurma ini.

"Penat lelah kami terubat apabila ramai orang yang inginkan pokok kurma dan ia meningkat saban hari," katanya yang berasal dari Klang, Selangor.

Bukan sahaja membantu menanam anak pokok, dia juga turut sama dalam kerja-kerja promosi dengan mengikuti eksposekspo untuk memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai penanaman kurma.

Besar harapan Nur Nadira agar usaha mereka mendapat perhatian dan menerima pengiktirafan daripada pelbagai pihak.

Anak kedua daripada tiga beradik itu juga berharap agar dapat membesarkan lagi perusahaan tersebut dengan ruang nurseri yang lebih luas dan juga kawasan tambahan untuk perkongsian ilmu.

Public-private collaboration to boost tuna industry

GEORGE TOWN: The Agriculture and Food Industries Ministry is evaluating proposals to establish collaboration between the government and private sectors to upgrade tuna landing ports to develop the country's tuna industry.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said the collaboration between the government and private sectors is important to ensure that the tuna industry can benefit all parties, in addition to attracting more foreign direct investments.

"The benefits to be gained are not only limited to tuna fishing activities, but also

services such as ports, transport, storage, processing and others.

"The tuna fishing industry is growing and developing as one of the country's new sources of wealth," he told reporters after the launching ceremony of *Ibu Wira 1*, a Zone C3 tuna fishing vessel carrying the Malaysian flag yesterday.

He said in 2016, the Department of Fisheries Malaysia listed two ports in the country as tuna landing ports for vessels operating in the Indian Ocean, namely Penang Port and Langkawi Port.

However, he said both ports are less

competitive compared with ports in other countries and the government is evaluating the industry needs in terms of facilities and on how to develop downstream activities.

He said the proposed development of a tuna landing port, at Batu Maung Jetty, will be in line with the ministry's intention to increase the entry of tuna vessels, boosting tuna landings in Malaysia.

"Until 2020, a total of 19 tuna fishing vessels and a tuna carrier vessel have been licensed and are operating in the Indian Ocean. Their total catch amounted to 3,005 tonnes worth RM40 million." – Bernama

Headline	Minister of Agriculture: Strengthen Batu Maung jetty for Tuna fish		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	13 Apr 2021	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	914 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,491



农长：与外国竞争 强化峇都茅金枪鱼码头

〔槟城 12 日讯〕农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪博士认为，我国金枪鱼码头仍欠缺竞争能力，因此该部致力提升和加强峇都茅码头，将槟城打造成国内主要的金枪鱼码头，以便与其他国家竞争。

他表示，金枪鱼渔业已成为我国新的经济来源之一，在大马渔业局致力发展下，于 2016 年把槟城与浮罗交怡港口列为在印度洋作业的金枪鱼渔船登岸的港口。

他今日访问峇都茅大马渔业发展局并在渔业局码头为 Ibu Wira 1 号金枪鱼船主持启动仪式后，在新闻发布会上这么指出。出席者有第一副部长阿末韩沙、第二副部长仄阿都拉，Alpha 海洋资源有限公司 (AORB) 集团主席拿督莫哈末阿都拉等。

达成出口国目标

询及我国目前仅有 2 个金枪鱼码头，是否会在日后再添设时，罗纳建迪回应，加强竞争力的问题不在于码头的数量，而是其质量。

他说，打造金枪鱼码头的

重要性在于提供完善设备，如增设金枪鱼加工厂、储藏及下游工业等，通过这些优越条件使到渔船的金枪鱼渔获可更迅速运往国外，以达到我国成为金枪鱼出口国的目标。

“由国际渔业管理组织 (RPMO) 与印度洋金枪鱼委员

会 (IOTC) 监管的印度洋，是世界上金枪鱼最丰富的水域之一。自 1998 年 5 月 22 日以来，大马已被接受为 IOTC 成员国，这对我国运用印度洋金枪鱼资源是一种优势。”

此外，他说，政府有意与私人界合作，加强和提升我国的金枪鱼码头设备，以便成为东南亚更具竞争力的金枪鱼码头之一。

他说，本地码头的用途不仅服务本地的金枪鱼渔船，也包括外国的渔船。因此，要在

众金枪鱼码头中获得青睐，须提高其质量。

发印度洋捕鱼执照

“目前，我国政府可发 200 张金枪鱼渔船到印度洋捕鱼的执照，惟截至目前为止仅发出 10% 的执照而已。”

他说，投入金枪鱼捕鱼业的我国国民很多，惟注册在我国名下的却不多，因此政府决意提升码头来留住本国国民之余，也吸引他国渔船的青睐做为登岸港口。



在渔业局码头为 Ibu Wira 1 号金枪鱼船主持启动仪式，前排左起为莫哈末阿都拉，仄阿都拉，罗纳建迪与阿末韩沙

Headline	Minister of Agriculture: Strengthen Batu Maung jetty for Tuna fish		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	13 Apr 2021	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	914 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,491



政府有意与私人界合作加强设备，以便我国成为东南亚更具竞争力的金枪鱼码头之一。

去年金枪鱼获总值4千万

罗纳建迪说，截至去年，我国共有 17 艘金枪鱼渔船和 1 艘金枪鱼运输船获准在印度洋作业，捕捉量达 3005 吨，估计价值为 4000 万令吉。

“登陆檳城港口的金枪鱼的数量为 1944 吨，价值估计为 2800 万令吉，其余的在毛里求斯登陆。

他透露，今年除了 Ibu Wira 1 金枪鱼渔船外，还有另一艘获同步获准注册，使到在印度洋的金枪鱼船只总数达到 19 艘。

罗纳建迪说，尽管受到冠病疫情冲击以及有条件管控令的约束，惟政府仍全面展开港口金枪鱼的管理，仅在去年，金枪鱼船就在檳城港口登陆 30 次，共有 9 万 7614 公吨的金枪鱼获，估计价值为 9 亿 0400 万令吉。

他说，政府放眼到了 2030 年，在印度洋有多达 70 艘马来西亚国旗的金枪鱼捕捞船。这目标是要实现马来西亚在印度洋的 3 万吨金枪鱼着陆配额。

Headline	Agriculture minister: 200 licences issued to catch tuna		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	13 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	7	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,651
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,953



農長：發展潛能大 發200執照捕金槍魚

【檳城12日訊】農業及食品工業部長拿督斯里羅納建迪指出，金槍魚工業在大馬的發展潛能相當大，作為印度洋金槍魚委員會（IOFC）成員之一，我國共可發出200張在印度洋捕撈金槍魚的執照，但目前只發出10%的配額。

他呼叻業界人士把握機會，共同發展金槍魚工業，這個工業并不只是指捕撈金槍魚，而是包括有關金槍魚的下游工業，加工等的完整工業網絡。

“政府鼓勵私人界參與發展金槍魚工業，以達致其最佳的水平，而目前也有大馬人投入深海金槍魚工業。”

檳城交怡港口缺競爭力

羅納建迪今天到訪大馬漁業發展局檳城分局峇都茅碼頭，為懸掛大馬國旗的金槍魚捕撈船“Hbu Wira 1”號主持推介儀式後，在新聞發布會上說，雖然檳城和吉打浮羅交怡為政府指定的金槍

魚卸載港口，但這兩個港口的設施比起其他國家港口的設施缺乏了競爭力。

他認為，這將阻礙金槍魚的工業成長，若要發展大型的金槍魚工業，則必須關注此工業的需求，包括了港口設備、捕撈及下游工業等，使港口更具競爭力，為國家經濟帶來效益。

他說，鄰國、馬爾代夫、馬達加斯加等也有金槍魚港口，而其設施比大馬理想；此外，也有一些大馬籍業者，選擇在馬爾代夫註冊他們的漁船，而并未選擇大馬。

目前，阿尔法海洋資源有限公司（AORB）有向農業及食品工業部提交提升峇都茅碼頭的建議書，羅納建迪說，該部已接獲有關的建議書，且正處於研究階段。

羅納建迪在儀式上致詞時說，政府放眼在2030年，能有多達70艘懸掛大馬國旗的金槍魚捕撈船在印度洋作業，這目標也是為了實現大馬在印度洋的金槍魚卸載配



羅納建迪（左五）為懸掛大馬國旗的金槍魚捕撈船“Hbu Wira 1”號主持推介禮，左一為拿督英哈末、左三仄河都拉，前排右二起：哈斯爾娜以及阿末漢查

額能達3萬公噸。

他說，單是2020年，金槍魚船就在檳城港口卸載30次，總的來說，去年共卸載了9萬7614公噸金槍魚，估計價值為9億400萬令吉。

他說，截至2020年，大馬共有17艘金槍魚捕撈船和1艘金槍魚運輸船獲得許可并在印度洋作業，捕撈量為3005公噸，估計價值為4000萬令吉。

“在以上總數當中，金槍魚在檳城港口的卸載總量為1944公噸，估計價值為

2800萬令吉，其餘的則在毛里求斯卸載。”

他說，今年再有兩艘金槍魚捕撈船獲得執照，包括了今日推展的“Hbu Wira 1”號，使到大馬共有19艘金槍魚捕撈船可在印度洋作業。

出席活動者包括了農業及食品工業部第一副部長拿督斯里阿末漢查，第二副部長拿督仄阿都拉，秘書長拿督哈斯爾娜以及阿尔法海洋資源有限公司集團主席拿督莫哈末。

Headline	Penang Tuna Port is not competitive enough		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	13 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A2	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	340 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,812
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,436



(檳城 12 日讯) 农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出, 大马金枪鱼码头缺乏竞争力, 连一些本地业者都不愿将旗下金枪鱼船以大马之名登记。只有提升码头设施, 才有望在区域的金枪鱼工业, 脱颖而出。

他周一在峇都茅金枪鱼码头为“IBU WIRA 1”金枪鱼船主持推介仪式后强调, 农业与食品工业部已积极研究由私人界提呈的码头提升方案, 目标是将原有码头, 打造成世界级的金枪鱼卸货码头。

他表示, 檳城峇都茅和浮罗交恰是大马的金枪鱼码头。截至 2020 年, 在印度洋捕捞的大马金枪鱼船有 17 艘, 另一艘是运载船, 贡献了 3005 公吨、总值 4000 万令吉的金枪鱼。

“其中, 在峇都茅码头卸货的有 1944 公吨、总值 2800 万令吉。其他渔获, 则选在毛里速斯卸货。”

他指出, 随着 Ibu Wira 1 于今年投入服务后, 大马在印度洋的金枪鱼捕捞船, 一共增至 19 艘。

他说, 大马虽受新冠肺炎侵袭, 檳州甚至处在有条件行动管制令, 但政府仍允准金枪鱼码头

檳金枪鱼码头缺竞争力 农长:提升设施才能脱颖而出

运作。单在去年, 峇都茅码头共有 30 次金枪鱼船着案记录, 显示相关领域潜能无限。

只是, 他话锋一转, 直指大马金枪鱼业无法获得大幅度发展, 是因码头设施未臻完善, 缺乏竞争力。码头设施和工业下游支援, 甚至无法与同样设有金枪鱼码头的邻国媲美, 造成一些本地业者, 均不愿将渔船以大马之名登记。

“他们宁愿登记在马尔代夫名下, 认为一些国家的码头设施更好。”

因此, 他认为要吸引更多投资者或金枪鱼业者到大马卸货, 惟有提升码头设施、提高竞争力, 加强工业下游支援。

他被媒体询及, 有关码头的提升方案时回应, 该部门已收到来自私人界的建议书, 涉及政府各部门合作, 以为码头进行提升。

“农业与食品工业部正在研究相关建议, 包括研究是否以公私伙伴关系, 进行合作。”

金枪鱼捕捞执照 渔部只发出 10%

罗南建迪也指出, 渔业部可最多发出 200 张金枪鱼捕捞许可执照, 至今却只发出 10%。联邦政府目标, 是于 2030 年能有 70 艘金枪鱼船在印度洋捕捞。

他表示, 大马于 1998 年 5 月起加入印度洋金枪鱼委员会 (IOCT)。除了捕捞, 政府也有意提振金枪鱼产业链整体发展, 包括卸货码头、运输、储存和加工等。

“政府也呼吁私人界积极投入金枪鱼领域, 让大马金枪鱼业成长到顶峰。”

他也说, 渔业部目前为“2021 年至 2030 年金枪鱼工业发展乐略蓝图”作最后修订, 以为金枪鱼业制定 10 大策略和倡议, 以符合国家农业粮食政策 2.0。

去年共有 9 万 7613 公吨金枪鱼在大马码头上岸卸货, 带来总值 9 亿 400 万令吉。#

Headline	Penang Tuna Port is not competitive enough		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	13 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A2	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	340 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,812
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,436



罗南建迪（前排左3）周一在峇都茅金枪鱼码头，登上“IBU WIRA 1”金枪鱼船，主持推介。

AROB欲与政府合作 峇都茅打造专属码头

另外，Alpha Ocean Resources berhad (AROB) 集团主席拿督莫哈末强调，该集团有意与农业部和渔业部等合作，将峇都茅码头提升为大马第一个金枪鱼专属码头。

他指出，该集团目前拥有 30 艘渔船，其中一艘为金枪鱼捕捞船。集团目前拟与联邦政府合作，进行码头提升计划，目前已引起许多国内外投资者和业者关注，有意加入。

“Ibu Wira 1”金枪鱼捕捞船为该公司所有。他说，外国投资者有日本、新加坡、美国、台湾和泰国等。相关投资者也允诺在大马进行技术转移，以推动金枪鱼下游工业，包括建造更多设施如金枪鱼加工制作和储存厂等。

“打造世界级金枪鱼码头不但可促进当地旅游业，更可带动地方经济发展。” #

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/4/2021	BERNAMA	ONLINE	

Kerajaan teliti cadangan kerjasama dengan pihak swasta bangun industri tuna



Menteri Pertanian dan Industri Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (dua, kiri) meninjau kapal perikanan ikan tuna milik Alpha Ocean Resources Bhd Group - Kredit: MAFI

GEORGE TOWN, 12 April -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan kerjasama antara kerajaan dan swasta

serta menaik taraf pelabuhan pendaratan tuna sebagai usaha membangunkan industri tuna negara.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kerjasama antara kerajaan dan swasta amat penting bagi memastikan industri tuna di Malaysia dapat

dimanfaatkan oleh semua pihak, selain menarik lebih banyak pelaburan langsung asing.

“Manfaat yang bakal diperoleh tidak hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan tuna tetapi pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantaian nilai industri tuna

boleh dibangunkan seperti pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan, pemprosesan dan lain-lain.

“Industri perikanan tuna di Malaysia sedang berkembang dan membangun sebagai salah satu sumber kekayaan baharu negara,” katanya pada sidang media selepas

majlis pelancaran ‘Ibu Wira 1’ kapal tangkapan tuna Zon C3, pembawa bendera Malaysia, di sini, hari ini.

Ronald berkata, pada 2016, Jabatan Perikanan Malaysia telah menyenaraikan dua pelabuhan di Malaysia sebagai pelabuhan pendaratan tuna bagi kapal yang

beroperasi di Lautan Hindi, iaitu Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Langkawi.

Bagaimanapun, katanya, kedua-dua pelabuhan pendaratan tuna tersebut kurang kompetitif berbanding yang terdapat di negara lain dan kerajaan sedang meneliti

keperluan industri dari segi fasiliti serta mewujudkan industri hiliran.

Justeru, dalam hal ini, cadangan pembangunan pelabuhan pendaratan tuna khasnya di Jeti Batu Maung adalah selari dengan hasrat MAFI untuk meningkatkan

kemasukan kapal tuna ke pelabuhan dan sekali gus melonjakkan hasil pendaratan tuna di Malaysia, katanya.

“Sehingga 2020, sebanyak 19 kapal perikanan ikan tuna dan sebuah kapal pengangkut tuna telah dilesenkan dan beroperasi di Lautan Hindi dengan hasil tangkapan

sebanyak 3,005.13 tan metrik dengan nilai anggaran RM40 juta.

“Daripada jumlah tersebut, pendaratan tuna di Pelabuhan Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pendaratan sebanyak 1,943.84 tan metrik dengan nilai anggaran

RM28 juta,” katanya.

-- BERNAMA

Akuakultur sebagai alternatif sumber perikanan domestik

Oleh Prof Dr Najiah Musa dan Prof Madya Dr Nadirah Musa
bhrencana@bh.com.my



Sekuriti makanan tidak hanya membatik pengeluaran bekalan makanan mencukupi, malah merangkumi keupayaan memperolehnya secara konsisten, mencukupi, selamat dan berkhasiat sepanjang masa bagi memenuhi keperluan hidup aktif serta sihat.

Justeru, sekuriti makanan diletakkan di bawah matlamat kedua dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), iaitu Kelaparan Sifar.

Perikanan antara sumber bekalan protein haiwan murah sejak sekian lama. Ia merujuk mana-mana haiwan atau organisma akuatik liar ditangkap mahupun diternak.

Berdasarkan Perangkaan Perikanan 2019 oleh Jabatan Perikanan Malaysia, terdapat tiga kategori sumber perikanan, iaitu perikanan tangkapan sebanyak 77.7 peratus; bukan tangkapan atau akuakultur (22 peratus) dan darat (0.3 peratus).

Ketiga-tiga sumber ini menyokong penjaan pendapatan dan membuka peluang pekerjaan, malah antara sektor penting dalam pertumbuhan ekonomi. Arah aliran sektor ini secara globalnya memunculkan peningkatan permintaan saban tahun, dirangsang pertumbuhan penduduk dunia, selain ketidakupayaan pengeluaran sektor perikanan tangkapan menampung jumlah permintaan.

Organisasi Makanan dan Pertanian (FAO) pada tahun lalu, mendapati kadar pengambilan ikan di negara ini mencecah 59 kilogram (kg) per kapita, antara tertinggi di dunia, berbanding kadar purata tahunan negara lain, iaitu 16 kg per kapita.

Di negara ini, terdapat beberapa sistem ternakan akuakultur utama iaitu sangkar, kolam dan tangki, selain bekas lombong, kandang serta estet. Sangkar menjadi sistem ternakan utama dan meliputi keluasan kawasan terbesarnya.

Rekod Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), menunjukkan jumlah pengeluaran akuakultur pada 2019 menghampiri 412,000 tan dengan hampir 25 peratus daripadanya disumbangkan akuakultur air tawar dan akuakultur air payau atau masin (75 peratus).

Malangnya, jumlah pengeluaran sektor perikanan masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan dan keperluan domestik. Justeru, negara terpaksa mengimport hampir 1.67 juta tan bekalan perikanan pada 2019.

Oleh itu, akuakultur amat berpotensi sebagai sektor alternatif dalam memenuhi permintaan domestik sumber bekalan perikanan dan membantu mengurangkan jumlah import bekalan ikan negara.

Di samping perlunya penekanan pengurusan lestari sumber perikanan tangkapan secara tegas, tatacara pengurusan sektor akuakultur juga perlu dititikberatkan. Ia berkait rapat pertumbuhan ekonomi, melalui pelaburan membabitkan pembangunan infrastruktur dan teknologi, pen-



gembangan, sumber manusia serta tukaran wang asing.

Walaupun tumpuan diberikan kerajaan melalui projek utama Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah sektor pertanian, ia turut berdepan pelbagai bentuk cabaran.

Cabaran utama adalah untuk menghasilkan sumber bekalan ikan sihat dan berkualiti. Di samping itu, akses mudah kepada pembiayaan dan dana mencukupi serta khidmat nasihat sangat diperlukan pengusaha akuakultur.

Ketika ini, benih dan makanan ikan serta khidmat nasihat diberikan Jabatan Perikanan Malaysia. Malah, Jabatan Pertanian juga menerbitkan dokumen Sikim Amalan Baik Pertanian Malaysia (MyGAP) mengandungi keperluan piawai bagi Amalan Akuakultur Baik (GAqP) sebagai panduan kepada pengusaha.

Isu penghasilan benih ikan di pasaran tidak mencukupi dan berkualiti juga seharusnya mendapat perhatian pihak berwajib. Justeru, peranan LKIM dalam penetasan dan membekalkan benih untuk projek akuakultur contohnya di Sabah, juga tidak boleh dipandang sebelah mata.

Masalah lain membelenggu pengusaha akuakultur ialah kos makanan ikan ternak. Ia antara faktor menyebabkan peningkatan harga ternakan.

Sumber utama makanan ikan diperbuat daripada ikan baja ditangkap atau dituai melalui perikanan tangkapan dikategorikan bernilai rendah akibat saiz tidak memenuhi kehendak pasaran.

Oleh itu, kemerosotan hasil tuai perikanan tangkapan memberi kesan langsung kepada sektor akuakultur.

Begitu juga kos makanan ikan tinggi mempengaruhi kos operasi kerana kebanyakan bahan mentah dalam pembuatan makanan ikan seperti tepung jagung dan soya diimport. Justeru, penurunan nilai ringgit memberi kesan kepada pemerolehan sumber mentah.

Perebakan penyakit pada ternakan boleh menyebabkan kematian besar-besaran hingga pengusaha menanggung kerugian. Persekitaran air tidak sihat seperti perubahan kualiti air disebabkan perubahan iklim dan pencemaran, turut mengundang risiko jangkitan penyakit.

Ada juga pengusaha membawa masuk spesies komersial dari luar negara menjanjikan keuntungan lumayan di pasaran tempatan tetapi spesies bersifat invasif akan merosakkan fauna tempatan. Spesies invasif biasanya mudah membiak, cepat membesar dan mempunyai daya tahan tinggi terhadap persekitaran dengan kebanyakannya bersifat pemangsa.

Insiden aliran deras di Sungai Perak dilaporkan baru-baru ini, merosakkan hampir 200 sangkar ternakan ikan pelbagai spesies antaranya dipercayai

ikan baung ekor merah, terlepas ke sekitaran.

Ikan ini berasal Sungai Mekong, Vietnam dan dikelaskan sebagai ikan invasif oleh Jawatankuasa Spesies Invasif Asing Kebangsaan, sekali gus berisiko mengubah serta memudaratkan ekosistem semula jadi dan kepelbagaian bio.

Berbanding sistem ternakan lain, ternakan sangkar di sungai dan perairan marin juga menghasilkan sisa efluen menyebabkan pencemaran air melalui penghasilan sisa bahan organik seperti ammonia dan nitrit.

Selain itu, ia juga disebabkan pembukaan tanah dan pencemaran bahan kimia terutama antibiotik diletakkan dalam makanan ikan.

Oleh itu, pemilihan sistem ternakan akuakultur tepat perlu dicadangkan kepada bakal pengusaha bagi memastikan impak minimum kepada kepelbagaian fauna dan ekosistem akuatik serta perairan umum negara.

Kesedaran tinggi mengenai MyGAP dan GAqP kepada semua pengusaha perlu diperhebatkan melalui ceramah berterusan dan pemantauan berkala Jabatan Perikanan Malaysia.

Bantuan kerajaan melalui ketersediaan dana dan sokongan serta logistik juga amat penting. Penyelidikan memfokuskan sumber spesies baharu tempatan dan memberikan nilai tambah kepada spesies sedia ada di samping pembangunan makanan ikan yang kos efektif dan berdaya saing perlu dipergiat.

Perkongsaan maklumat dan jalinan kerjasama antara agensi serta institusi pendidikan tinggi bagi menjalankan penyelidikan berkaitan hendaklah dipereratkan. Maklumat diperoleh hasil penyelidikan tempatan perlu diketengahkan bagi membantu industri meningkatkan pengeluaran.

Industri juga boleh memberi ruang bagi tujuan penyelidikan, malah bertindak sebagai platform latihan bagi meningkatkan kemahiran, seterusnya membantu pembangunan sumber manusia.

Selain perlunya penyelarasan data dan maklumat bersepadu, peranan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sebagai penguatkuasa di pintu masuk dan keluar negara amat mustahak.

Pengusaha pula perlu memastikan sumber benih dan induk dibeli serta dibawa masuk terjamin kualitinya dan sentiasa pada dengan risiko spesies ikan bersifat invasif.

Langkah drastik kerajaan terutama Pembentukan Jawatankuasa Eksekutif bagi Dasar Sekuriti Makanan Negara digerakkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menjadi pendekatan tepat.

Kewujudan jawatankuasa ini menyokong Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0). Namun, pembantuan pihak berkepentingan perlu diambil kira dan perbincangan perlu dilakukan secara kolektif bagi meleraikan polemik dalam sektor akuakultur.



13/4/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

24

17,600kg racun diisytihar baja dirampas

Kepala Batas: Modus operandi pengimport racun makhluk perosak tidak berdaftar yang berjaya ditumpaskan. Katanya, hasil pemeriksaan MAQJIS mendapati racun itu diimport daripada syarikat berbilang pangkalan di Wilayah Anhui, China, dengan diisytiharkan sebagai baja.

Beliau berkata, siasatan lanjut juga mendapati racun berkenaan dipercayai mengandungi bahan aktif *paraquat dichloride* yang diharamkan di negara ini sejak 1 Januari tahun lalu.

"La diharamkan kerana berbahaya kepada pengguna, termasuk boleh menyebabkan ma ta rosak, cirit-birit, pengsan dan kematian, selain tiada penawar.

"Bahan rampasan itu jika dikilangkan, boleh menghasilkan sekurang-kurang 3,000 tong *paraquat dichloride* 13 pe-

tan racun makhluk perosak tidak berdaftar yang berjaya ditumpaskan.

Katanya, hasil pemeriksaan MAQJIS mendapati racun itu diimport daripada syarikat berbilang pangkalan di Wilayah Anhui, China, dengan diisytiharkan sebagai baja.

Beliau berkata, siasatan lanjut juga mendapati racun berkenaan dipercayai mengandungi bahan aktif *paraquat dichloride* yang diharamkan di negara ini sejak 1 Januari tahun lalu.

"La diharamkan kerana berbahaya kepada pengguna, termasuk boleh menyebabkan ma ta rosak, cirit-birit, pengsan dan kematian, selain tiada penawar.

"Bahan rampasan itu jika dikilangkan, boleh menghasilkan sekurang-kurang 3,000 tong *paraquat dichloride* 13 pe-

ran. Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Mohd Nasir Warris, berkata ia adalah rampasan terbesar dalam tahun ini, malah kali pertama membatalkan pengimport

serta Pengarah MAQJIS Pulau Pinang, Noriah Dahlan.

Mengulas lanjut, Mohd Nasir memaklumkan selain Malaysia, banyak negara lain mengambil langkah mengharuskan pengunaan racun berkenaan.

"Racun tersebut digumakan untuk membunuh semua jenis rumput dengan kesannya dalam tempoh beberapa jam, menyebabkan ramai petani suka menggunakannya," katanya.

Mohd Nasir berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 13(1) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara lima tahun atau denda RM50,000.

Beliau menegaskan, Jabatan Pertanian sentiasa komited membautevas pengimportan dan penjualan racun makhluk perosak tidak berdaftar dalam pasaran.



Mohd Nasir bersama Noriah menunjukkan tong racun perosak tidak berdaftar yang dirampas di Kompleks Pertanian Bumbung Lima di Kepala Batas, semalam. (Foto Damial Saad/BH)

ratus dengan nilai dianggarkan berjumlah RM450,000," katanya pada sidang media di Kompleks Pertanian Bumbung

Lima, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Mat Lesak Ngathinee

Bawa racun perosak, tapi isytiharkan baja

Kepala Batas: Mengisytiharkan konsainan sebagai baja, tetapi membawa masuk racun makhluk perosak tidak berdaftar bagi mengaburi pihak berkuasa negara ini.

Namun taktik itu terbongkar apabila Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja Jabatan Pertanian merampas 80 tong seberat 17,600 kilogram (kg) racun makhluk perosak dikenali *paraquat dichloride* bernilai RM171,212.

Rampasan dilakukan hasil maklumat Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang di Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Butterworth pada 26 Mac lalu.

Ketua Pengarah Pertanian Datuk Mohd Nasir Warris berkata, pemeriksaan Maqis mendapati racun perosak itu diimport dari syarikat berpangkalan di Wilayah Anhui, China dengan mengisytiharkannya sebagai baja.

"Siasatan mendapati ra-

cun makhluk perosak yang dipercayai mengandungi perasis aktif *paraquat dichloride* itu diharamkan di negara ini mulai 1 Januari tahun lalu.

"Ini disebabkan penggunaannya berbahaya kerana boleh merosakkan mata, cirit-birit, pengsan dan boleh menyebabkan kematian selain tiada penawar," katanya pada sidang media di Kompleks Pertanian Bumbung Lima di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Mat Lesak Ngathinee dan Pengarah Maqis Pulau Pinang Noriah Dahlan.

Mohd Nasir berkata, kesalahan itu disiasat mengikut Seksyen 13(1) Akta Racun Makhluk Perosak 1974, jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara lima tahun atau didenda RM50,000.

Menurutnya, selain Malaysia, banyak negara lain mengambil langkah menghermakan penggunaan racun makhluk perosak berkenaan.



MOHD Nasir (kiri) dan Noriah menunjukkan antara 80 tong racun perosak tidak berdaftar yang dirampas.

900 TONNES OF UNCERTIFIED MEAT DISCOVERED

MEAT CARTEL'S SUPPLIES PROBED

Supplies may have come from neighbouring countries, say police

MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
m.basyir@nst.com.my

INVESTIGATORS probing into the activities of a meat cartel believe that companies linked to it might have sourced non-certified meat from neighbouring countries.

Bukit Aman Criminal Investigation Department director Datuk Huzir Mohamed told the *New Straits Times* yesterday that this was a possibility as there were close to 900 tonnes of meat not linked to the permit held by a local company.

"Supposedly, they should have invoices and other proof of sale for only 108 tonnes

of meat, but we have discovered up to 1,000 tonnes.

"As I told the press yesterday, they obtained the remaining supply from local companies, but where did this supply come from? Neighbouring countries? We do not know yet, but we are probing."

A sting operation conducted in six states last week found that 19 cold distribution companies were involved in the cartel's activities.

Seven companies were in Johor, Kuala Lumpur (four), Selangor (four), Perak (one), Penang (two) and Kedah (one).

The companies were found to have conspired with a local company that had a permit to import frozen meat from Brazil. Thirty-six people, including company directors and managers aged between 28 and 67, were detained.

A source familiar with the probe said it was a norm for companies to get supplies from uncertified abattoirs before repackaging the products with fake halal logos.



Bukit Aman Criminal Investigation Department director Datuk Huzir Mohamed (centre) at a press conference at the Johor police headquarters in Johor Baru on Sunday.

PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

The source said the companies would even destroy invoices of imports from uncertified sources.

"They do this to make it difficult for the authorities to trace whether the products are halal."

Last year, the NST front-paged a report on the cartel, which had been in operation for more than 40 years.

Senior officers from government agencies were believed to be working with the cartel, which specialised in bringing non-certified meat into Malaysia and passing it off as halal-certified products.

These senior officers, entrusted with the responsibility of ensuring that halal standards were upheld, instead received money and even women for sex as bribes to turn a blind eye to the cartel's operations.

In February, the authorities raided a cold storage warehouse in Puchong where 12 men, including 11 foreigners, were detained.

The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department confirmed that frozen beef seized from the warehouse was from an uncertified abattoir.

Headline	Dr M: Small agriculture lands should merge to increase effectiveness to solve poverty in the		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	13 Apr 2021	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	373 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,826
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,478



马哈迪：解决乡镇贫穷问题 小农地应合并增效益

(吉隆坡 12 日讯) 前首相敦马哈迪医生提议，为解决国内农业及乡镇贫穷问题，政府应将小型农地合并成大型农地，以取得规模经济及混合耕种的效益。

他说，在农地合并下，地主仍可保持土地拥有权，以及可选择参与耕种，或只是根据本身土地规模的比例，享受合并带来的利润。

马哈迪今日在部落格 Chedet 发表题为“大马农业”的文章，提出解决国内农业问题的建议。

每年进口600亿蔬菜

他指今天的乡镇贫穷是一个实况，它主要是源自错误的务农方式：“现在是改变的时候，我因此提出这建议……我们一年进口 600 亿令吉的蔬菜，这提议不只是可确保蔬菜

供应，也可节省许多外汇。”

马哈迪解释，即使在我国独立后，仍有国人只拥有不具经济效益的少量土地，而英国企业则是被授予大规模的林地种植橡胶及后来的油棕。

“大英国公司开发了数万英亩的大规模土地，它们由经验丰富的农场经理经营，相关劳工是从印度引进，他们确实做得很好。

“看到他们的成功，本地人也开始种植橡胶及后来的油棕，但其土地面积很小，通常只有 2 至 3 亩。他们自行经营小农场，也只能种植一种农作物。

“由于土地面积太小及没有专业的经理，本地农民自然做得不好，几乎无法维持生计。政府通过提供劝告及补贴的方式回应，但小农民的问题仍在。”

专业管理 全年收成

马哈迪指出，小型土地不具效率及经济效益，因此可通过土地合并来解决，然后在大型农地同时种植不同农作物。

“大型种植例如 1000 亩土地的模式，应由大马农业研究与发展局或私人企业发展，以及交由受过训练的农场经理，以使用本地劳动力的方式管理。

“其次是鉴定适合的农作

物，例如橡胶或油棕。只有三分之一的土地可用于种植主要农作物。其余土地应用来种植蔬菜、可快速结果的瓜类，或黄梨、榴槿及番石榴等，以及一个可养殖淡水鱼的鱼池和饲养数十只羊和牛。”

他认为此举可确保在任何时候，农场都有东西可销售，无论是贩售至本地市场或出口。

Johor perkasa sains, data dalam pertanian

Johor Bahru: Kerajaan negeri memberi tumpuan kepada penggunaan sains dan data dalam sektor pertanian demi meningkatkan kecukupan serta memberi nilai tambah bagi produk pertanian.

Menteri Besar Johor, Datuk Ir Hasni Mohammad berkata, pertanian kini dilihat sebagai satu daripada sektor penting, dan menjadi antara penyumbang terbesar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, iaitu 16.2 peratus dengan jumlah RM16.25 bilion.

Menurutnya, eksport produk pertanian Malaysia ke Singapura mencecah sebanyak AS\$2 bilion atau ham-

pir RM8 bilion setiap tahun.

"Pada 2018 Singapura mengimport kira-kira 16.4 peratus daripada jumlah makanan mereka dari Malaysia dan angka ini dijangka meningkat setiap tahun.

"Apabila saya menyebut mengenai data dan sains untuk menjayakan Agenda Jaminan Bekalan Makanan, kita perlu mengambil langkah ke hadapan.

"Bukan saja sebagai pembekal bahan makanan mentah, malah dengan adanya perkembangan dan penguasaan sains serta data oleh sektor dalam industri ini, kita boleh menambah nilai dalam pengeluaran produk pertanian dalam negara," katanya.

Angkasa galak ahli ternak udang galah

Port Dickson: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan 500 ahli koperasi membabitkan diri dalam penternakan udang galah, sekali gus menggalakkan industri akuakultur dalam sektor koperasi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, melalui industri akuakultur, ahli koperasi terutamanya dari golongan B40 disaran untuk meneroka bidang penternakan udang galah.

Katanya, pihaknya yakin penternakan udang galah mampu memberi pulangan lebih baik kepada pengusaha kerana

nilai harga di pasaran yang tinggi selain permintaan yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.

"Kita boleh meneroka program penternakan udang galah secara berkelompok berikutan pasaran sudah tersedia dan Angkasa akan membantu dari segi tapak penternakan dan teknologi kepada ahli koperasi yang berminat.

"Kita (Angkasa) akan bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan terutama Jabatan Perikanan dan syarikat berkaitan yang mempunyai kepakaran untuk membimbing peserta," katanya.

Harga dedak didakwa naik tidak terkawal di pasaran sejak tahun lalu

Penternak kian terbeban

Oleh Zaid Mohd. Noor, Mohd. Hafiz Abd. Mutalib dan Fathullah Abu Bakar
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Penternak lembu dan kambing di negeri ini mendakwa semakin terbeban dengan kenaikan harga dedak ternakan tersebut yang melambung tinggi dan tidak terkawal di pasaran sejak tahun lalu.

Malah, kenaikan harga makanan ternakan itu didakwa meningkat setiap minggu antara RM2.50 hingga RM5 sekilogram mengikut jenama dan kualiti dedak tersebut.

Kenaikan harga dedak itu juga menyebabkan harga daging lembu meningkat dari RM38 sekilogram kepada RM40 di negeri ini pada bulan Ramadan ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang penternak, Abdul Hadi Yusoff, 36, dari Kuala Nerang dekat sini berkata, kenaikan harga dedak tersebut dijangka terus meningkat sekiranya tidak dikawal oleh kerajaan.

Malah, katanya, bekalan dedak komersial juga didapati semakin sukar di pasaran sejak kebelakangan ini.

Menurutnya, dia menggunakan dedak komersial 2,000 kilo-



ABDUL Hadi Yusoff memberi dedak kepada lembu ternakannya di Tenang Agro Farm, Kampung Semelang, Kuala Nerang, Kedah. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

gram (kg) untuk menampung keperluan ternakan 116 ekor lembu dan 100 kambing serta biri-biri.

"Pada masa ini, harga dedak yang paling murah dijual pada harga RM38 bagi setiap satu guni seberat 50kg dan paling mahal pula berharga RM76 bagi setiap guni tersebut.

"Difahamkan, pengilang dan

pedegar dedak itu menaikkan harga disebabkan harga jagung dan kacang soya yang diimport semakin tinggi.

"Malah, harga isirong kelapa sawit yang merupakan bahan utama menghasilkan dedak juga tinggi berikutan harga pasaran kelapa sawit meningkat di pasaran," katanya di sini, semalam. Sehubungan itu, katanya,

dia dan penternak lain terpaksa menghasilkan dedak alternatif untuk meringankan beban berikutan kenaikan harga dedak yang tidak terkawal itu.

Jelasnya, dedak alternatif yang dibuat sendiri itu diadun berasaskan sumber daripada pokok kelapa sawit dan jerami padi bagi mengurangkan kos membeli dedak di pasaran.

Kos tambahan sehingga RM300 sebulan

ARAU: Golongan penternak terpaksa mengeluarkan lebih perbelanjaan sehingga RM300 sebulan bagi seguni dedak iaitu seberat 50 kilogram berikutan kenaikan harga makanan haiwan peliharaan itu yang dikesan berlaku sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu dan berlarutan sehingga kini.

Malah dalam tempoh tersebut, harga dedak dikatakan sudah mengalami kenaikan sebanyak enam kali daripada harga sekitar RM55 sehingga mencecah RM67 bagi berat 50 kilogram.

Seorang penternak kambing, Husmizar Hussain, 41, memberitahu, kenaikan harga dedak soya putih itu cukup memberi kesan kepadanya yang perlu menggunakan bekalan dedak sebanyak 50 kilogram setiap hari.

Dia yang memternak kira-kira 80 ekor kambing berkata, sejak



TERNAKAN memerlukan dedak berkualiti untuk membesar dan mengelakkan penyakit. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

PKP tahun lalu, setiap sebulan atau dua bulan harga dedak didapati terus meningkat.

"Dahulu harga dedak (50

kilogram) sekitar RM50 hingga RM55 sahaja namun sedikit demi sedikit naik sehingga mencecah RM67.

"Berikutan itu, saya terpaksa mengeluarkan lebih perbelanjaan iaitu sekitar RM10 sehari bagi membeli bekalan dedak ini. Jika sebulan, saya perlu mengeluarkan perbelanjaan tambahan sekitar RM300.

"Dengan jumlah itu, banyak lagi perkara boleh dilakukan dalam suasana ekonomi serba mencabar ketika ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Alor Merah, di sini semalam.

Menurut Husmizar, haiwan ternakan memerlukan dedak berkualiti untuk membesar dan mengelakkan penyakit.

Katanya, mahu tidak mahu mereka perlu membeli dedak yang berkualiti itu meskipun mengalami kenaikan sejak akhir-akhir ini.

"Dahulu, harga dedak jika mengalami kenaikan pun hanya setahun sekali sahaja, bukan seperti sekarang sehingga beberapa kali," katanya.

'Bantulah penternak'

PETALING JAYA: Penternak ruminan di negara ini gelisah dan bimbang dengan peningkatan harga barang makanan ternakan terutama dedak yang mencecah.

Malah, mereka terbeban kerana berlaku peningkatan kos operasi selain tidak menerima bantuan dan faedah seperti sektor-sektor lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Jawatan Kuasa Persatuan Penternak Ruminan Negeri Selangor, Mohamad Subhi Mohd. Musuri berkata, kerajaan harus prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh penternak-penternak ruminan ketika ini.

Beliau memberikan contoh sebelum ini, jika harga setiap kos termasuk pengangkutan sehingga ke kawasan ladang dalam lingkungan RM 650, tetapi harga baharu mencecah RM 1,000.

"Tiada keistimewaan menjadi penternak kerana perlu usaha sendiri berbanding dengan perusahaan lain seperti ladang sawit, nanas dan getah yang menerima bantuan kerajaan.

"Kerajaan perlu memberi bantuan kepada kami juga. Terkini, harga daging meningkat menjelang Ramadan dan dikhuatiri membawa sehingga ke Hari Raya Aidilfitri. Daging pejal yang dijual oleh peniaga di pasaran mencecah RM45 sekilogram," katanya.

Sementara itu, timbalan pengerusi persatuan berkenaan, Yaakob Sidikin berkata, sebelum ini, kerajaan berjanji menubuhkan Majlis Ruminan Negara, namun tiada pelaksanaannya.

"Kami juga tidak menerima subsidi makanan ternakan berbanding perusahaan lain yang menerima manfaat kerajaan.

"Pengusaha yang mengeluarkan hampas sawit bagi tujuan makanan ternakan turut mengambil kesempatan menaikkan harga," katanya.